



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**  
(Secretary General of Treasury)

**Kompleks Kementerian Kewangan**  
No.5, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62592 PUTRAJAYA  
Tel. : 03-88823333  
Telefaks : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242  
Laman Web : www.treasury.gov.my

MOF.NBO(S)600-1/4/1 Jld.4 (34)  
15 Februari 2022

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk Seri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk Dr./Dato'/Datuk,

### **KELONGGARAN PENGANJURAN ACARA/ MAJLIS/ KERAIAN RASMI KERAJAAN/ MESYUARAT/ BENGKEL/ KURSUS/ SEMINAR SEPANJANG TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk Seri/Datuk Wira/Dato' Indera/Datuk Dr./Dato'/Datuk sedia maklum, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan (PB) 3.1 mengenai Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang antara lain telah menetapkan supaya penganjuran semua acara/majlis keraian rasmi/bengkel/kursus/seminar/mesyuarat hanya dilaksanakan di Institusi Latihan Awam (ILA) atau premis/kemudahan sedia ada milik Kerajaan yang bersesuaian bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan (perenggan 3.10).


3. Setelah meneliti situasi Covid19 pada masa ini dan pemulihan sektor pelancongan tempatan yang masih perlahan, Kementerian Kewangan bersetuju supaya kelonggaran penganjuran semua acara/majlis keraian rasmi/bengkel/kursus/seminar/mesyuarat sepanjang tahun 2022 boleh dilaksanakan di premis **selain daripada ILA atau premis/kemudahan sedia ada milik Kerajaan yang bersesuaian termasuk hotel** bagi merangsang sektor pelancongan negara. Kelonggaran ini adalah untuk tahun 2022 dan tertakluk kepada peruntukan sedia ada kementerian/jabatan yang telah diluluskan tanpa melibatkan peruntukan tambahan. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan proses perolehan perkhidmatan penganjuran tersebut adalah teratur dan mematuhi peraturan perolehan/kewangan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON)